
[BIL. 41 OGOS 2019](#)

Graduan UMP pilihan utama dalam pasaran

Program Kejuruteraan dan Teknologi yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) sentiasa dilaksanakan secara berterusan menggunakan model bertaraf dunia hasil program kerjasama dengan Karlsruhe University. Universiti ini dilihat sebagai contoh terbaik dalam menghasilkan graduan yang kompeten, holistik, berciri keusahawanan dan memenuhi keperluan industri.

Berada dalam kelompok 101-150 universiti muda terbaik dunia dalam pengiktirafan *Quacquarelli Symonds* (QS) World University Rankings, universiti luar negara serta jalinan kerjasama erat universiti dan industri ini memberikan impak positif terhadap

Ini dibuktikan apabila kadar kebolehpasaran graduan (GE) universiti ini mencapai peratusan tertinggi iaitu 80 peratus, melebihi sasaran iaitu 80 peratus pencapaian yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, UMP sentiasa komited mencipta program akademik melalui jalinan strategik di peringkat antarabangsa.

“Dalam usaha menjadi pemain global yang kompetitif, pengantarabangsaan UMP dalam membina jaringan dengan Universiti Jerman Republik Persekutuan Jerman mampu melahirkan graduan berdaya saing.

“Dengan mempunyai latar belakang pendidikan Jerman ini juga graduan berpeluang ditawarkan peluang kerjaya yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Jerman.

“Selain itu, berdepan dengan revolusi industri baharu IR4.0, transformasi digitalisasi dan automasi memerlukan graduan berkeupayaan dalam kemahiran insaniah (*soft skills*) serta berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi dalam kejuruteraan dan teknologinya.

Dalam memainkan peranan bagi mempersiapkan modal insan yang dapat memenuhi keperluan negara, Teknologi (*Bachelor of Technology–B.Tech.*) oleh UMP bersama Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia Malaysia (UTeM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Malaysia.

Penganjuran Program [CEO@Faculty](#) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga memperhebat sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan tinggi negara melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran.

Terbaharu, Pengerusi Nova Wellness Sdn. Bhd., Dr. Abd Manaf Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif Dre, Pengarah Scomi Transit Project Sdn. Bhd., Rohaida Ali dilantik oleh pihak KPM dalam menjayakan program dan juga pengajaran bersama (*co-teaching*) yang dapat dimanfaatkan warga universiti ini.

Memartabatkan bahasa Melayu tanggungjawab

Para guru, pensyarah, pendidik dan ibu bapa perlu berperanan dalam usaha untuk memartabatkan perniagaan dalam kalangan generasi muda di negara hari ini.

Selain menguasai dan mencintai bahasa kebangsaan, sebagai warga negara Malaysia kita perlu menguasai Inggeris serta menjadikan bahasa Kebangsaan sebagai asas perpaduan negara.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah dijamin oleh Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.

Kemajmukan kaum, agama dan budaya yang mencorakkan sifat kependudukan Malaysia menjadi cabaran ke-7. Kemapanan identiti nasional melalui perantaraan bahasa Melayu sebagai alat penyatuan.

Menurut pakar bahasa Melayu, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim, profil kebahasaan seorang warganegara Malaysia adalah menguasai bahasa kebangsaan sendiri, menguasai bahasa Inggeris dan sekiranya boleh menguasai bahasa ketiga dan keempat.

Jelasnya, bahasa kebangsaan lambang kedaulatan negara dan jati diri bangsa manakala bahasa Inggeris bahasa untuk menimba ilmu pengetahuan.

“Identiti nasional perlu diperkasakan sejak kecil dan ia mempunyai kaitan dengan rasa bangga dan rasa cinta terhadap negara ini.

“Kita berdepan dengan cabaran pemeraksanaan identiti nasional dalam era baharu Malaysia dalam abad ke-21 dengan kemajuan sains dan teknologi, meningkatkan perpaduan serta kepentingan bahasa Inggeris,” katanya.

Beliau turut berkongsi mengenai sejarah awal bahasa Melayu pada batu-batu bersurat pada abad ke-7 hingga ke-14. Berang, Terengganu pada abad ke-14.

Manakala pada abad ke-13, agama Islam mula bertapak di Kepulauan Melayu dan wujudnya pusat-pusat Islam di ibu kerajaan di wilayah Samudera Pasai (1280-1400), Melaka (1400-1511), Aceh (1511-1650) serta

Dalam pada itu, Pengasas Yayasan Budi, Tan Sri Dr. Rais Yatim, berkata, selain peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak universiti juga perlu mengambil bahagian untuk turut serta berperanan dalam mempromosikan bahasa Melayu dalam berkomunikasi dan menggunakan terma bahasa yang sepatutnya.

“Selain itu juga, orang Melayu perlu bertutur secara lazim dalam bahasa Melayu dan bersama-sama mengukuhkan bahasa Melayu termasuklah cara berpakaian.

“Lebih membimbangkan pada masa ini, tiada lagi buku-buku ilmuwan dan teknikal yang dahulunya dite

Pustaka (DBP) ke dalam bahasa Melayu bagi tujuan pembelajaran dan ilmu pengetahuan,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, bahasa Melayu juga dilihat masih tertinggal dalam dunia perniagaan serta komersial. Nama-nama jalan atau taman yang tidak lagi menggunakan bahasa Melayu.

Dalam pada itu, penggunaan bahasa Melayu juga perlu dipertingkatkan penggunaan supaya menjadi aman. Penggunaan bahasa Melayu yang tidak bercampur aduk.

Ujarnya, identiti itu ada kaitan dengan bahasa dan identiti bangsa tidak boleh dijual beli.

Kedua-dua tokoh ini dijemput menjayakan Siri Bicara Cendekiawan Mulia UMP anjuran Persatuan Kakitangan Pejabat Naib Canselor (PNC) UMP dalam membincangkan tajuk ‘Bahasa Melayu dan Pemerkasaan Ideologi’ bersama *moderator* Profesor Madya Dr. Hassan Ahmad dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PUSAT) di Perpustakaan UMP Kampus Pekan.

Program ini merupakan sebuah medan wacana bulanan yang menampilkan tokoh-tokoh berwibawa dari dalam dan luar UMP.

Tokoh-tokoh ini berperanan untuk mengupas isu-isu semasa yang merentasi pelbagai dimensi dari aspek akademik dan masyarakat secara keseluruhannya.

UMP adalah komited untuk menjadikan kampus universiti ini sebagai gelanggang intelektual terbuka untuk wacana dan debat yang matang, waras dan bijaksana.

Program turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato’ Sri Ibrahim Ahmad, Naib Canselor UMP dan Presiden PAKAD, Mohd. Hairul Ab. Rahim.

Selain warga UMP, program ini juga dihadiri pihak luar termasuklah staf daripada Yayasan Budi, Perbadanan Pusat Pengajian Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Perbadanan Muzium Negeri Pahang, para guru serta pendidik sekolah menengah dan rendah sekitar Pekan.

***Global Village* UMP tingkat penguasaan bahasa Inggeris ter**

Seramai 200 peserta daripada lima sekolah menengah sekitar Pekan dan Kuantan menyertai program *Global English* penguasaan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Sekolah-sekolah yang terlibat adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Soi, SMK Ubai, SMK Mahkota.

Program ini adalah anjuran bersama Kelab International *Economic and Commercial Science Student Association* Pelajar dan Alumni (JHEPA) UMP dan Pejabat Antarabangsa UMP.

AIESEC merupakan organisasi antarabangsa yang membantu belia dalam mengembangkan potensi kognitif dan menjalankan projek sosial.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, UMP Kampus Gambang pada 26 Julai 2019 yang lalu.

Dalam ucapan perasmian, Yang Berhormat Hajah Fuziah berkata, penganjuran program sebegini dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah.

“Dengan kehadiran tujuh orang sukarelawan antarabangsa daripada India, Vietnam, Indonesia, China, dan Filipina, ini akan memberi impak positif kepada peserta yang menyertai program ini.

“Saya difahamkan sukarelawan ini telah mengadakan aktiviti berkomunikasi iaitu *Speak up* bagi membantu pelajar menguasai bahasa Inggeris dalam komunikasi harian,” katanya.

Beliau turut mengharapkan persepsi pelajar yang mengatakan bahasa Inggeris itu adalah subjek yang susah.

“Untuk menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris, pelajar perlu memperbanyakkan membaca buku dan menonton video.”

“Selain itu juga, para guru juga perlu banyak menggalakkan pelajar dalam meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris.”

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zaini.

Profesor Dato' Dr. Yuserrie berkata, pihaknya menghargai sukarelawan yang datang ke Malaysia untuk menjalankan program ini selama enam minggu di sekolah sekitar Pekan dan Kuantan.

“Selain itu juga, sukarelawan antarabangsa ini juga turut menonjolkan tradisi, budaya, makanan dan kebiasaan negara masing-masing kepada peserta.”

“Program ini juga dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak terutamanya pelajar sekolah dalam meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris semasa dunia dan mewujudkan persefahaman antara budaya serta mewujudkan silaturahim antara satu sama lain.”

Pelajar antarabangsa UMP turut menyediakan pameran dan pelbagai juadah antarabangsa dari negara masing-masing seperti India dan Kyrgyzstan.

Turut sama hadir, Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP, Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi, Dekan Pembantu Akademik, Johari Mohamad, Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) UMP merangkap Ketua Panitia Hashim dan Pengarah Program, Celine Hing.

Pentadbir Universiti: Melestari Kepimpinan, Memandangi

Oleh: Mohd Zaki Ahmad

e-Mel: mohdzaki@ump.edu.my

Perkataan 'melestari' berasal dari kata dasar 'lestari' yang memberi makna kepada 'kekal' atau 'tidak berubah'. Dalam konteks artikel ini, melestari merujuk kepada mengekalkan atau dalam kata kerja bahasa Inggeris *to sustain*. 'Melestari' terdekat adalah mengekalkan kepimpinan. Perihal kepimpinan dalam artikel ini merujuk kepada kepimpinan universiti. Komuniti universiti tidak hanya terdiri daripada golongan akademik sahaja, tetapi ia meliputi semua yang bergerak menggerakkan universiti, bermula dari individu yang dilantik sebagai Canselor, Ahli Lembaga Pengarah, dan sebagainya. Mereka mempunyai bidang tugas tersendiri bagi mencapai matlamat penubuhan sebuah universiti. 'Memandangi' merujuk kepada bagaimana aktor-aktor dalam organisasi universiti menghadapi cabaran pada hari ini dan esok. Ini termasuk golongan pentadbir universiti.

Mengistilahkan Semula Pentadbir

Kita selalu tersalah anggap, golongan pentadbir di universiti hanya merujuk kepada pegawai-pegawai yang berkedudukan mereka yang berada dalam skim perkhidmatan Pegawai Tadbir atau Eksekutif Pengurusan (N). Pada kenyataannya, pentadbir di universiti adalah mereka yang berada dalam kumpulan gred 41 dan ke atas meliputi semua bidang seperti Teknologi Maklumat (F), Sosial (S), Sains (C), Bakat dan Seni (B) Kewangan (W), Kejuruteraan, dan sebagainya. Pentadbir dari skim khusus merupakan golongan pentadbir universiti yang mempunyai pengkhususan dalam bidang mereka dan tergolong dalam golongan pentadbir. Mungkin apabila persatuan pegawai tadbir di Universiti Awam Malaysia (UAM) pentadbiran (N), skim-skim lain menganggap persatuan tersebut adalah hak milik dari satu skim sahaja, maka persatuan lebih merujuk kepada pentadbir seperti Persatuan Pentadbir Universiti, mengundang kepada persatuan pentadbir sebagai langkah membetulkan persepsi, semua UA perlu menjenamakan semula kesatuan pentadbir atas nama pentadbir dan ke atas.

Nilai Kendiri Seorang Pentadbir

Hambatan kemajuan dunia hari ini, menuntut tenaga kerja yang mempunyai ilmu pengetahuan dan berkemampuan dengan mereka yang berkhidmat di universiti. Kita sering mendengar tenaga kerja pada alaf ini perlu lebih kreatif, inovatif serta berdaya saing. Perkara ini selalu diulang-ulang sama ada di forum-forum, tulisan-tulisan kepada mahasiswa. Persoalannya, adakah kita faham dengan istilah yang digunakan atau ia hanya kebolehan seorang pekerja pada hari ini perlu melakukan sesuatu pekerjaan yang sentiasa betul, bijak dalam menyelesaikan masalah kesalah serta sentiasa melunaskan kerja mengikut masa yang ditetapkan, itulah nilai sebuah kecakapan.

Tidak terkecuali dengan seorang pentadbir di universiti, ciri-ciri yang disebut di atas perlu ada pada pentadbir profesional. Menurut Mohd Hanfiah (2016), Pentadbir UA sewajarnya mempunyai iltizam dan cita-cita yang cemerlang yang mempunyai ciri 3R iaitu yang dirujuk (*referred*), dihormati (*respect*) relevan (*relevant*) serta bijak (*work smart*). Mengambil inisiatif dari rujukan 3R ini, nilai sendiri setiap individu yang bergelar pentadbir dengan pengetahuan tinggi dan berfokus. Howard Gardner (2008) dalam bukunya *5 Mind for Future* menerangkan lima minda yang diperlukan.

- Minda Berdisiplin - mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam pelbagai bidang
- dan mampu mengaplikasikan kepakaran yang ada dengan keperluan kerja.
- Minda Sintesis - penyampai maklumat yang baik dengan merujuk kepada pengetahuan dan kepakaran
- Minda Mencipta - minda mencipta di sini merujuk kepada minda yang kreatif dalam menyelesaikan masalah
- Minda Menghormati - menghormati perbezaan antara satu sama lain. Perbezaan ini juga meliputi perbezaan budaya
- Minda Beretika - bertanggungjawab dan membuat tindakan yang betul terutama terhadap organisasi

Walau apa pun teori atau tulisan akademik yang dikeluarkan, realitinya, pentadbir di universiti pada hari ini memerlukan penguasaan ilmu, yang meliputi ilmu pengurusan khususnya yang berkaitan dengan pentadbiran. Tanggungjawab pentadbir dalam memproses satu-satu perkara terutama yang berkaitan dengan pentadbiran yang paling tinggi dan mampu menyalurkan maklumat yang tepat apabila diminta dengan cepat dan cekap dalam kepakaran masing-masing dan sentiasa mempunyai idea bagi membantu pihak pengurusan universiti.

Transformasi Universiti

Proses transisi dan transformasi sesebuah organisasi sentiasa berlaku. Gelagat organisasi juga semakin kompleks dengan ekonomi semasa yang menuntut ke arah perubahan. Perkara ini tidak terkecuali dengan institusi pendidikan yang memerlukan sokongan dan bantuan kewangan yang berbentuk geran dari kerajaan, simpanan universiti itu sendiri, sumbangan wakaf, *endowmen* dan sumbangan derma.

Walau bagaimanapun, UA perlu bergerak untuk menjana kewangan sendiri sebagai langkah pertama untuk mengukuhkan ekonomi negara. Hambatan ini perlu dirasai dan dicakna oleh semua pentadbir UA. Walaupun UA pergi, namun menjana pendapatan sentiasa menjadi idea yang berkesinambungan oleh setiap generasi bersama sasaran yang perlu dilestarikan daripada kejayaan kepimpinan lepas, tetapi mereka perlu berinovasi. Demikian, menurut Mohammad Fauzi (2016), pentadbir perlu memberikan penekanan dalam dua aspek. Pertama, dalam proses transformasi di pusat tanggungjawab masing-masing dan aspek kedua adalah persiapan yang diperlukan.

Yuval Noah Harari dalam tulisan beliau *21 Lessons For The 21st Century* menyatakan tentang keperluan untuk berinovasi selari dengan apa yang dipelajari oleh graduan di universiti. Hal ini terjadi kerana kemajuan bergerak pantas di universiti. Oleh yang demikian, pentadbir di UA perlu membantu universiti merealisasikan pelan strategik yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Budaya Kerja Berpasukan dan Menolak Budaya Kerja *One Man Show*

Sudah tentu kepentingan budaya kerja berpasukan menjadi tunjang utama dalam pergerakan organisasi. Bermula dari Pengurusan Tertinggi menetapkan sasaran lalu diterjemahkan kepada pelan strategik. Pentadbir di universiti kepada *practical ground work*.

Namun hari ini, kita masih dapat mengesan, suasana yang kurang sihat di mana budaya kerja *One Man Show* pentadbir universiti. Seharusnya setiap kejayaan perlu dikreditkan kepada kumpulan yang menyokong bergred pertengahan dan kumpulan sokongan. Budaya kerja *one man show* adalah budaya kerja terkebelakangan ini.

Kematangan seorang ketua yang mentadbir diukur melalui kemantapan ilmu pengetahuan dan kekayaan pengalaman. Kematangan adalah tunjang utama dalam menggerakkan jabatan mahupun unit di universiti.

Pengurusan Termaju

Mungkin ada di antara kita pernah terlintas semasa tahun 90-an ketika menonton filem fiksyen barat yang menggunakan teknologi pada era akan datang. Semuanya telah terbukti pada era ini, teknologi yang diimiginasi pada era itu.

Aplikasi seperti telesidang (*teleconference*) dalam mesyuarat, e-mel, pendaftaran pelajar baharu bawah menggunakan *google doc*, dan e-aduan adalah contoh yang praktikal dalam pengurusan termaju. Cara ini berbeza dengan era hari ini, segalanya di hujung jari. Malah aplikasi media seperti *WhatsApp* dan *Telegram* mendapatkan maklumat terkini.

Ruang udara semakin terbuka luas, pentadbir juga harus terbuka menerima segala pembaharuan inisiatif teknologi konservatif dan beralih arah kepada penggunaan teknologi digital. Hari ini menjadi kejanggalan jika pentadbir menggunakan e-mel dalam aktiviti harian.

Fenomena Revolusi Industri 4.0 menuntut pentadbir lebih menghasilkan kerja yang berkualiti dan pantas. Selain itu, lagi alasan kehilangan dokumen atau tiada sumber rujukan, kerana maklumat dapat dicungkil dan diakses. Bagaimanapun, kematangan berfikir amat diperlukan dalam menganalisis satu-satu maklumat yang diperolehi.

Pentadbir UA Adalah Pekerja Berkualiti Tinggi

Berada dan bekerja dalam sebuah gedung ilmu, mempertemukan aktor-aktor dalam UA dengan budaya intelektual. Komuniti akademik dan komuniti ini bukan sahaja terdiri dalam kalangan ahli akademik, ia juga meliputi sokongan dalam kumpulan sokongan. Mungkin jarang-jarang pegawai tadbir di agensi kerajaan lain menulis tulisan. Berbeza dengan pentadbir yang berada di UA, budaya menulis dan mengkaji adalah budaya biasa dan pentadbir UA menjadi sumber rujukan badan bukan kerajaan, persatuan-persatuan sukan atau budaya, dan UA menjadi rujukan kepada syarikat-syarikat swasta.

Nilai sendiri pentadbir haruslah seiring dengan visi dan misi sesebuah universiti. Nilai teras seperti hubungan yang teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati, kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana, dan proaktif dalam tindakan (penulis merujuk kepada Nilai Teras UMP) merupakan perkara yang membezakan pentadbir yang lain. Pengurusan tertinggi UA sentiasa datang dan pergi dan silih berganti, namun pentadbirlah yang kekal di universiti dan sentiasa memandang ke hadapan.

Penulis ialah Pegawai Kebudayaan Kanan merangkap Exco Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PPTI) Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabtah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap artikel yang tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak mewakili pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan adalah tanggungjawab kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan data.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, adalah hak milik UMP dan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penanggungjawab.

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 129 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

